

**ANIH BERHAD PERKUKUH TAHAP KESEDIAAN MENJELANG MUSIM PERAYAAN**

*~Pemantauan dan Kapasiti Tenaga Kerja Dipertingkatkan Bagi Memastikan Kelancaran Perjalanan Pengguna~*

**KUALA LUMPUR, 28 APRIL 2022-** ANIH Berhad, pengendali Lebuhraya Kuala Lumpur – Karak (KLK) dan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 (LPT1) meneruskan komitmen untuk memastikan keselesaan pengguna lebuhraya kendaliannya sentiasa menjadi keutamaan syarikat tersebut.

Menurut Puan Radzimah Mohd Radzi, Pengurus Besar Kanan, Ketua ANIH Berhad, syarikat tersebut telah meningkatkan usaha memastikan keadaan Lebuhraya KLK dan LPT1 berada dalam keadaan baik dengan melakukan kerja-kerja pembaikan jalanraya dan penambahbaikan kemudahan awam di kawasan R&R dan Hentian Sebelah sejak awal Ramadhan memandangkan aliran trafik ke Pantai Timur menunjukkan peningkatan ketara.

“ANIH Berhad juga sedang giat meningkatkan kemampuan tenaga kerja kami bagi menyediakan perkhidmatan terbaik demi memastikan kesesakan musim perayaan ini dapat dikurangkan. Antara langkah yang diambil termasuklah menambah bilangan juru toll, seiring dengan penambahan lorong di plaza toll dari 100 kepada 151 lorong. Disamping itu, seperti kebiasaannya syarikat juga akan mengedarkan Cadangan Waktu Perjalanan di Plaza Tol Gombak, Bentong, Karak dan Temerloh, termasuk kaunter – kaunter Pusat Khidmat Pelanggan Tol Gombak, Tol Bentong, Tol Karak, Tol Temerloh dan Tol Kuantan minggu ini”, kata beliau.

Sejak awal Ramadhan, Lebuhraya KLK telah mencatatkan jumlah kenderaan sebanyak 145,231 pada setiap hujung minggu, manakala LPT1 pula telah mencatatkan sebanyak 45,600 kenderaan. Bagi tempoh 29 April sehingga 8 Mei, ANIH Berhad menjangkakan peningkatan kepada 207,500 kenderaan harian di Lebuhraya KLK manakala LPT1 pula dijangkakan akan mencatat sebanyak 100,000 kenderaan sehari bagi tempoh tersebut.

Disamping meningkatkan kerjasama dengan pasukan keselamatan lain, ANIH Berhad juga telah mengambil langkah-langkah proaktif bagi mengurangkan risiko kemalangan termasuklah, meningkatkan kekerapan rondaan pasukan LPT Ronda, meningkatkan jumlah aset dan tenaga kerja yang bertugas bagi mempercepatkan tempoh masa tindakbalas di lebuhraya dan sekiranya perlu, akan mengaktifkan laluan kontra sekiranya berlakunya kemalangan.

“Sungguhpun Kementerian Pengangkutan telah menggariskan pengecualian kompaun kepada lima kesalahan lalulintas bersempena sambutan Hari Raya Aidilfitri yang bermula 29 April hingga 8 Mei depan, ANIH ingin tetap menasihati para pengguna untuk tetap melakukan pemanduan secara berhemah dan bersabar demi keselesaan semua”, tambah beliau lagi.

Selain merancang perjalanan mengikut Cadangan Jadual Perjalanan yang diberikan, para pengguna juga disarankan untuk memastikan baki dalam e-Wallet, kad Touch n'Go atau SmartTag mencukupi sebelum memasuki lebuhraya bagi mengurangkan kesesakan.

Berikutan pengumuman YAB Perdana Menteri berkenaan pengecualian bayaran tol beberapa hari lalu, ANIH Berhad ingin mengingatkan para pengguna untuk tetap menyentuh kad Touch n'GO mereka pada alat pengesan di lorong bagi tujuan pengesahan dan diingatkan untuk masuk dan keluar lebuhraya dalam tempoh yang ditetapkan bagi menikmati pengecualian tersebut.

ANIH Berhad juga menasihatkan para pengguna untuk mendapatkan rehat yang secukupnya setiap dua hingga tiga jam perjalanan di kawasan R&R dan Hentian Sebelah disepanjang lebuhraya serta sentiasa memasang lampu 'head lights' kenderaan sahaja dalam cuaca hujan dan mematuhi had laju yang ditetapkan.

Untuk maklumat lebih lanjut, tepat dan terkini, sila rujuk laman sosial rasmi Lembaga Lebuhraya Malaysia/ANIH Berhad di Twitter @LLMTrafik @LPTTrafik dan Facebook @Lembaga Lebuhraya Malaysia @Lebuhraya Pantai Timur atau hubungi *hotline* LLM di 1800-88-7752 dan LPT - Line di 1-700-818-700.

-TAMAT-

**Tentang ANIH Berhad**

ANIH Berhad adalah pemegang konsesi Lebuhraya Pantai Timur (LPT) yang merangkumi komponen Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak (KLK) dan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 (LPT 1), sepanjang 250 kilometer (KM). Bermula dari Gombak di KM 19.2 Lembah Klang hingga ke Jabor di KM 250 Terengganu, LPT menyingkatkan masa perjalanan, dari Lembah Klang ke bandar-bandar utama di sebelah Pantai Timur, terutamanya Kuantan. Operasi tol dan penyelenggaraan rangkaian-rangkaian lebuh raya ANIH Berhad diurus oleh Kumpulan MTD.

**Siaran Akhbar dikeluarkan bagi pihak ANIH Berhad oleh:**

**Jabatan Komunikasi Korporat Kumpulan  
Kumpulan MTD**

Menara MTD, 1, Jalan Batu Caves, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan, Malaysia  
Tel: 03-6195 1111 Fax: 03-6187 5055 Website: [www.mtdgroup.com.my](http://www.mtdgroup.com.my), [www.anihberhad.com](http://www.anihberhad.com)

**PRESS RELEASE  
FOR IMMEDIATE RELEASE**

**ANIH BERHAD ENHANCE ITS READINESS FOR THE COMING FESTIVE SEASON**

*~ Monitoring and Workforce Capacity Enhanced to Ensure Smooth Travel of Users ~*

**KUALA LUMPUR, 28 APRIL 2022-** ANIH Berhad, the operator of the Kuala Lumpur - Karak Expressway (KLK) and the East Coast Expressway Phase 1 (ECE1) continues its commitment to ensure that the comfort of its highway users remains their top priority.

According to Puan Radzimah Mohd Radzi, Senior General Manager, Head of ANIH Berhad, the company has stepped up efforts to ensure the KLK and ECE1 Highways are in good condition by carrying out repair works and upgrading public facilities in the RSA's and Laybys along the highways since the beginning of Ramadan as traffic flow to the East Coast showed significant increase.

"ANIH Berhad is also actively strengthening our workforce to provide the best possible services especially in our aim to lessen congestion during this festive season. Among the measures taken, include increasing the number of toll workers in line with the addition of lanes at the toll plaza from 100 to 151 lanes. As always, the company will also be distributing copies of our Time Travel Advisory (TTA) at the Gombak, Bentong, Karak and Temerloh Toll Plaza's including our Customer Service Counters at Gombak, Bentong, Karak, Temerloh and Kuantan Toll plazas this week", she said.

Since the start of Ramadan, both KLK and LPT1 Highways recorded a significant increase in weekly travels at 145,231 and 45,600 respectively. ANIH Berhad is expecting daily traffic to increase to 270,500 for KLK and 100,000 for LPT1 for the period beginning from 29 April – 8 May.

Aside from working closely with the relevant security forces, ANIH Berhad has also taken proactive measures to reduce the risk of accidents, including increasing the frequency of patrols of the LPT Ronda team, increasing the number of assets and manpower on duty to speed up response time on the highway and if necessary, will activate contra flows in the event of an accident.

"Although the Ministry of Transport has exempted five traffic offences compound in conjunction with the Hari Raya Aidilfitri celebration from April 29 to May 8, ANIH would still like to advise users to drive prudently and be patient for the convenience of all", she added.

In addition to planning their journey according to the TTA, users are also advised to ensure sufficient balance in their e-Wallet, Touch n'GO or SmartTag cards before entering the highway to reduce congestion.

Following the recent announcement made by YAB Prime Minister on toll waiver, highway users using Touch n'GO cards are reminded to still verify their devices at the toll plaza's for record purposes and are reminded to only enter and exit the highway within the duration to enjoy the toll waiver.

ANIH Berhad would also like to remind users to get adequate rest after travelling for two to three hours on the road at the RSA and Laybys along the highway, and are reminded to only switch on the vehicle's head lights in rainy weather and adhere to the speed limit.

For more, accurate and up-to-date information, please refer to the official social site of Malaysian Highway Authority/ANIH Berhad on Twitter @LLMTrafik @LPTTrafik and Facebook @Lembaga Lebuhraya Malaysia @Lebuhraya Pantai Timur or call the LLM hotline at 1800-88-7752 and LPT-Line at 1-700-818-700.

-TAMAT-

**About ANIH Berhad**

ANIH Berhad is the concessionaire of the East Coast Expressway (ECE) which comprises the components of the Kuala Lumpur-Karak Expressway (KLK) and the East Coast Expressway Phase 1 (ECE 1), along 250 kilometres (KM). Starting from Gombak at KM 19.2 Klang Valley to Jabor at KM 250 Terengganu, LPT shortens travel time, from Klang Valley to main cities on the East Coast, especially Kuantan. The toll operations and maintenance of ANIH Berhad's highway networks are managed by the MTD Group.

**Press Release issued on behalf of ANIH Berhad by:**

**Group Corporate Communications Department**

**MTD Group**

MTD Tower, 1, Jalan Batu Caves, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Tel: 03-6195 1111 Fax: 03-6187 5055 Website: [www.mtdgroup.com.my](http://www.mtdgroup.com.my), [www.anihberhad.com](http://www.anihberhad.com)